

## CONFERENCE PROCEEDING

**Penggunaan Pembayang Unsur Alam Dalam Pantun Siber: Analisis Kelogikan**

Nor Adlyizan Bin Theis, Aqilah Aqbal Omar, Nurul Atiqah Insyirah Bt Samin,  
Adriana Nazrul Hisham

Kolej GENIUS Insan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan  
[adlyizan@usim.edu.my](mailto:adlyizan@usim.edu.my)

**Abstrak**

Kajian ini melihat kepada kelogikan penggunaan unsur alam dalam pantun siber. Hal ini demikian kerana, pantun adalah seni tradisi Melayu yang sangat popular. Pantun terkenal sebagai satu seni tradisi lisan yang digunakan untuk berkomunikasi oleh masyarakat Melayu tradisional. Kebiasaannya, pembayang dalam pantun menggunakan unsur alam yang dizahirkan melalui pemerhatian penutur pantun semasa menuturkannya. Sebagai contoh, jika mereka berada di tepi pantai, penggunaan unsur alam seperti pasir, laut, ombak, burung dan angin mungkin menjadi pembayang kepada pantun-pantun yang diujarkan oleh penuturnya. Namun, bila masa berganti masa teknologi semakin canggih, pantun mula dihasilkan dan dimuat naik di laman sesawang atau laman siber seperti blog, media sosial dan sebagainya. Justeru, kajian ini akan meneliti sama ada masyarakat masih lagi mengekalkan keindahan unsur alam itu atau adakah unsur alam itu digunakan secara logic dalam penghasilan pantun siber. Dapatan ini secara tidak langsung akan mengisi kelompongian kajian yang pernah dijalankan berkaitan puisi Melayu tradisional. Selain itu juga, kajian ini akan memberi gambaran baru tren terkini masyarakat siber berkaitan pantun Melayu.

**Kata kunci:** *Pantun, Siber, Alam, Flora, Fauna*

**PENGENALAN**

Pantun dan masyarakat Melayu mempunyai hubungan yang begitu akrab. Orang Melayu dahulu menjadikan pantun sebagai alat tradisi lisan dalam komunikasi. Sementelahan itu, pantun Melayu menyerlahkan pemikiran, emosi dan pengalaman sama ada melalui satu kuplet atau rangkap, mahupun keseluruhan pengisian pantun tersebut. Secara ringkasnya pantun ini melambangkan kehidupan dan keadaan seisi alam. Sebagai contoh, dalam kehidupan masyarakat Melayu terdapat tanah, kebun, alam, bukit, lautan, buah-buahan, sungai dan segala bentuk tradisi dan peralatan.

Dalam penciptaan pantun, biasanya penggunaan unsur alam dalam pembayang pantun akan menjadikan pantun yang dicipta akan menjadi lebih menarik dan tersusun (Harun Mat Piah, 2001). Nilai semantik disebalik unsur alam itu sebenarnya menunjukkan pemikiran penuturnya yang abstrak dalam menyampaikan sesuatu. Sebagai contoh, untuk menggambarkan kisah sedih, pemantun akan menggunakan unsur alam seperti mendung, bunga gugur, ranting yang patah dan lain-lain lagi, begitu juga sebaliknya jika menggambarkan sesuatu yang gembira. Persoalannya, adakah pantun-pantun siber yang dicipta oleh generasi mudah hari ini masih lagi mengekalkan kelogikkan pada pembinaan pembayangannya yang menggunakan unsur alam?

## METODOLOGI

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Sumber pantun diperolehi daripada laman sesawang.
2. Pantun yang dipilih adalah berdasarkan tema seperti politik, kasih sayang, budi bahasa, masyarakat dan sebagainya.
3. Analisis dilakukan terhadap pantun yang dipilih dengan melihat kepada pembayang unsur alam yang digunakan dalam pembayang pantun tersebut.
4. Kelogikkan pembayang unsur alam dirujuk menggunakan bahan perpustakaan dan rujukan sumber pakar.

## PERBINCANGAN

Di dalam kajian ini, beberapa unsur alam dikategorikan supaya penjelasan kepada dapatan kajian menjadi lebih mudah dan tersusun. Antara unsur alam yang popular digunakan oleh golongan siber ialah flora dan fauna, alam semesta, suasana dan sebagainya.

### Flora Dan Fauna

Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2010), flora membawa maksud tumbuh-tumbuhan yang terdapat pada satu-satu daerah atau pada suatu masa, manakala fauna pula bermaksud seluruh binatang yang hidup di suatu tempa. Oleh hal yang demikian, lensa perbincangan dan analisis akan melihat sama ada pantun siber yang dihasilkan menggunakan sifat flora dan fauna yang tepat atau tidak, contohnya seperti pantun di bawah,

*Tumbuh tinggi si bunga raya  
Tempat kenari tumpang berteduh  
Songkok tinggi belagak kaya  
Harta sedikit hendak di riuh*

*www.doktorcinta.blogspot.com*

Daripada pantun di atas, pembayang yang digunakan adalah pokok bunga raya. Berdasarkan sifat pokok yang diperolehi daripada laman sesawang Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (2012) mendefinisikan ciri-ciri bunga raya sebagai tumbuhan renek dan bukannya tumbuhan tinggi. Selain itu juga, dahan bunga raya tidak besar dan tidak menjadi tempat burung seperti kenari untuk hinggap dan membuat sarang.

### Unsur Alam

Bagi unsur alam pula kajian akan meneliti ketepatan penggunaan pembayang berdasarkan suasana, gambaran alam yang disampaikan. Contohnya, penggunaan kata adjektif yang tidak bersesuaian untuk menerangkan sifat alam tersebut, seperti indah batu di pinggir sana, manis Mentari menyinar cahaya dan sebagainya. Selain itu, unsur

metafora yang tidak tepat juga menjadikan karya pantun siber ini sedikit canggung dan lari dari estetikanya. Muhammad Haji Salleh (2002:135) menjelaskan bahawa perlambangan atau metafora adalah elemen penting di dalam puisi Melayu dan menentukan nilai estetikanya:

*"Kita dapat menyimpulkan bahawa metafora, atau kias ibarat, adalah antara alatan terpenting sastera Melayu sejak awal lagi, melalui zaman tulisan, hinggalah ke zaman mutakhir. Oleh sebab orang Melayu lebih suka menyampaikan makna secara tidak langsung, maka ini menjadi amat penting, malah menjadi satu ciri dasar dalam estetikanya."*

Kesilapan membayangkan sifat alam, atau metafora yang tidak tepat mengganggu keindahan pantun itu sendiri sebagai contoh,

*Hembus pawaka bayu terasa  
Hati kehendak merasa sepi  
Indah buana ciptaan esa  
Mengapa tidak di jaga rapi*

*<http://afiena-mj.blogspot.com>*

Dalam pantun di atas, penggunaan perkataan pawaka adalah tidak tepat. *Pawaka* adalah bahasa pinjaman bahasa Melayu dari Bahasa Sanskrit yang membawa maksud api, manakala *pawana* pula ialah angin. Pertautan baris pertama dan kedua juga tidak sesuai dalam pantun di atas.

## KESIMPULAN

Daripada semua pantun siber yang dihasilkan dalam laman sesawang, kebanyakannya tidak menepati ciri-ciri pantun Melayu tradisional yang telah digariskan oleh ahli sastera tersohor seperti Harun Mat Piah, Sasterawan Negara Zurinah Hassan dan sebagainya. Kebanyakan pantun siber bersifat "hentam keromo" dan tidak mencirikan pantun dengan baik dan tersusun. Seterusnya, nilai pantun warisan ini semakin hari semakin pudar kualitasnya. Bagi memastikan nilai estetika dan keindahan pantun ini tidak lekang dek panas dan tak lapuk dek hujan, kajian berterusan berkaitan foklor ini perlu dijalankan bagi memastikan nilai pantun tidak terus diperkotak katikkan.

## RUJUKAN

- Harun Mat Piah (1989). *Puisi Melayu Tradisional-Satu Perbincangan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
<http://afiena-mj.blogspot.com/2010/04/pantun-alam-sekitar.html>
- Kurik Kundi Merah Saga* (2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Adlyizan Theis (2017). *Puisi Politik dalam Siber: Analisis Isu dan Bentuk*. Dlm. Prosiding Seminar Sains Sosial dan Kemanusiaan 2017, Kolej Universiti Islam Melaka. m/s 243 -249.
- Shafii, H. (2010). *Kelestarian alam dalam seni budaya melayu: pantun sebagai bayangan falsafah alam*.

*Wacana Pantun Melayu* (2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
[www.doktorcinta.blogspot.com](http://www.doktorcinta.blogspot.com)